

DARI JAAFAR HUSSIN

1983

SINGAPURA, 5 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ASEAN MESTILAH MENERUSKAN DENGAN LEBIH GIGIH LAGI USAHANYA UNTUK MENCORAK KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK BAGI RAKYATNYA MENERUSI KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN SERANTAU.

KATANYA NEGARA-NEGARA ANGGOTA BADAN SERANTAU ITU HENDAKLAH TEGUH MEMPERTAHAKAN USAHA-USAHA TERSEBUT MEMANDANGKAN BAHAWA KEMELESETAN DAN PENGANGGURAN DI NEGARA-NEGARA MAJU MENINGGALKAN KESAN YANG SERIUS KE ATAS RANTAU INI.

"KITA HARAP USAHA YANG KITA JALANKAN DI NEGARA-NEGARA KITA SENDIRI UNTUK MELAHIRKAN SATU MASYARAKAT YANG LEBIH BERPERSAMAAN DAN SEMANGAT SEPAKAT SERANTAU YANG KUAT YANG TELAH KITA JALINKAN DALAM ASEAN AKAN DAPAT MEMBANTU KITA MENGATASI MASALAH-MASALAH SEPERTI ITU," KATA PERDANA MENTERI DALAM PERUTUSANNYA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG KEENAM PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN ASEAN (AIPO) DI SINI HARI INI.

UCAPAN BELIAU ITU DIBACAKAN OLEH KETUA PERWAKILAN MALAYSIA, DATUK MOHAMAD ZAHIR HAJI ISMAIL.

MENURUT PERDANA MENTERI, DUNIA TELAH MULA MENGIKTIRAF POTENSI ASEAN DAN KINI TERPULANGLAH KEPADA PERSATUAN ITU UNTUK MEMPERGUNAKAN POTENSI TERSEBUT BAGI FAEDAH RAKYATNYA.

-- LAGI 1927/LK

ZCZC 8637:

AIPO-MAHATHIR 2 SINGAPURA

ASEAN, TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR, TELAH MULA MENILAI SENDIRI JENTERA KERJASAMANYA AGAR PERKARA TERSEBUT DAPAT DIJADIKAN KENYATAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PERISTIWA DAN PERKEMBANGAN DI SEKITAR ASEAN TELAH MENEGASKAN PENTINGNYA NEGARA-NEGARA ANGGOTA MEWUJUDKAN SATU PERSEPAKATAN YANG KUAT MENGENAI PERKARA-PERKARA SERUPA ITU.

SEBAGAI SEBUAH BADAN SERANTAU, ASEAN TELAH DAPAT MENAHAN TEKANAN-TEKANAN KUAT PERKEMBANGAN DALAM BIDANG-BIDANG POLITIK, EKONOMIK DAN LAIN-LAINNYA, KATANYA.

MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN TERUS MENGHADAPI ANGKATAN-ANGKATAN TENTERA YANG BUKAN SAHAJA MENDUDUKI KAMPUCHEA TETAPI JUGA MEMAKSA ORANG-ORANG YANG TIDAK BERDAYA KE PANTAI-PANTAI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA.

KATANYA SEJAK PENDUDUKAN KAMPUCHEA, ASEAN JUGA TELAH MELIHAT KETIDAKENDAHKAN YANG SAMA DALAM PENDUDUKAN AGHANISTAN DAN BARU-BARU INI TERHADAP NYAWA ORANG-ORANG AWAM DALAM SATU PENERBANGAN UDARA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN HENDAKLAH TERUS MENGUTUK KEGIATAN-KEGIATAN YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN SEPERTI ITU.

-- LAGI 1932/LK

ZCZC 8638:

AIPO-MAHATHIR 3 SINGAPURA

PRESIDEN INDONESIA SUHARTO BERKATA TUGAS BAGI ASEAN HARI INI IALAH UNTUK Mencari jalan yang mungkin untuk mengurangkan kesan-kesan buruk keadaan dunia sekarang yang begitu bergelora.

Dalam waktu yang sama, ASEAN hendaklah bekerja secara berkelompok dengan negara-negara lain bagi mencari satu penyelesaian yang lebih komprehensif kepada masalah-masalah itu.

Dalam perutusannya, Presiden Philippina Ferdinand Marcos mengulangi tawaran negaranya agar Manila dijadikan pusat bagi urusetia tetap AIPO.

Katanya tawaran itu melambangkan sokongan negaranya terhadap AIPO dan keazamannya untuk menjadikan pertubuhan itu sebagai satu alat kuat untuk kerjasama dan perpaduan serantau.

Perdana Menteri Thailand, Jen. Prem Tinsulanonda menyatakan harapan agar perhimpunan sekarang dapat menyumbangkan ke arah menyelesaikan masalah Kampuchea.

Sambil mengulangi hasrat Thailand untuk mencari penyelesaian aman dan politik yang komprehensif kepada masalah itu, beliau mengingatkan bahawa keadaan di Kampuchea dan di sempadan Thai-Kampuchea merupakan ancaman besar kepada keamanan dan stabilan serantau.

BERNAMA 1936/LK